

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]

TARIKH : 21 MAC 2018 [Rabu]

SOALAN :

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bantuan dan sokongan yang diberikan untuk pembangunan kluster industri kelapa sawit (*Palm Oil Industrial Clusters*) di Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memberi bantuan dan sokongan untuk pembangunan kluster industri kelapa sawit atau dengan izin *Palm Oil Industrial Clusters* (POIC) di Pantai Timur Sabah bermula sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Terdapat dua POIC yang dibangunkan di Sabah iaitu POIC Lahad Datu dan POIC Sandakan.

Bagi pembangunan kedua-dua POIC ini, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM153 juta bagi POIC Lahad Datu manakala untuk POIC Sandakan, peruntukan sebanyak RM150 juta disediakan.

Sekian, terima kasih.